

**Ucapan Naib Canselor  
Y.Bhg. Kolonel Kehormat Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad  
Penasihat PALAPES USIM  
Universiti Sains Islam Malaysia**

**Sempena  
Majlis Makan Malam Rejimental  
Pegawai Kadet PALAPES UKM/USIM Siri 35**

**Hotel Royale Bintang, Seremban  
8.30 Malam  
28 Mei 2016 (Rabu)**

---

*Terima kasih pengacara majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim (Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang) Serta Selawat dan Salam Atas Junjungan Rasulullah S.A.W*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli*

### **[SALUTASI]**

1. Pertama sekali saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin limpah KurniaNYA dan Inayahnya dapat bersama-sama kita berkumpul dalam memeriahkan Majlis Makan Malam Rejimental Pegawai Kadet PALAPES UKM siri ke-35 ini. Saya berasa amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan para pegawai kadet dan jurulatih PALAPES UKM pada malam ini. Majlis Makan Malam Rejimental yang penuh meriah adalah untuk meraikan para Pegawai Kadet PALAPES UKM siri ke-35 yang bakal ditauliahkan pada bulan Ogos 2016.

2. Sebagai Naib Canselor merangkap Penasihat PALAPES USIM , saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kesemua 135 orang pegawai kadet senior yang terdiri daripada mahasiswa/wi berjiwa kental daripada UKM dan USIM yang akan ditauliahkan tidak lama lagi. Secara jujurnya setelah melihat dan mengikuti sendiri latihan yang dijalankan di Felda Gunung Besaout baru-baru ini, saya kagum dengan ketabahan dan kegigihan semua pegawai kadet menjalani latihan yang dijalankan walaupun saya dimaklumkan latihan fasa medan ditambah dari 5 hari kepada 12 hari. Syabas semua!!

**Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

3. Seperti yang dimaklumi, upacara pentaulahan pegawai kadet pada tahun ini akan dilaksanakan di Universiti Malaya (UM) di mana upacara pentaulahan ini akan disempurnakan oleh Yang Dipertuan Agong. Oleh itu saya mengharapkan supaya semua pegawai kadet dapat hadir di dalam setiap aktiviti yang telah dirancang dan diatur oleh pihak PALAPES dengan sebaik-baiknya. Para pegawai kadet perlu meningkatkan ketahanan fizikal dan mental bagi menghadapi upacara pentaulahan nanti. Saya yakin dengan perancangan yang teratur dan mantap daripada pihak PALAPES, semua pegawai kadet senior akan dapat melaksanakan latihan pentaulahan dengan cemerlang.

4. Saya juga sedia maklum bahawa Majlis Angkatan Tentera yang bersidang pada 25 Februari 2016 telah meluluskan Penubuhan PALAPES USIM. Oleh yang demikian jika hasrat penubuhan dapat dilaksanakan pada tahun ini, saya berharap kesinambungan latihan dapat diteruskan lagi supaya kerjasama ini dapat diteruskan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak UKM sepanjang kerjasama ini, pihak USIM dapat mentauliahkan sebanyak 250 orang Pegawai Muda USIM dalam Askar Wataniah. Saya juga begitu terharu dengan penglibatan pelajar-pelajar daripada USIM di dalam badan beruniform PALAPES ini meskipun terpaksa bangun seawal jam 4 pagi untuk ke markas yang bertempat di UKM pada hari-hari latihan. Namun telah terbukti bahawa itu bukanlah satu penghalang buat semua pegawai kadet. Sebagai bukti, kita sudah berjaya mentauliahkan 4 siri pegawai kadet iaitu pegawai kadet siri 31 hingga 34 dengan semangat yang kental, jiwa yang tabah, dan keyakinan yang tinggi daripada kalangan pegawai kadet semua.

**Hadirat dan Hadirat Sekalian,**

5. Sebagai sebuah Universiti yang berbidang bitarakan Integrasi ilmu Naqli dan Aqli, USIM sentiasa memastikan setiap aktiviti pelajar berpandukan tema USIM yang telah ditetapkan. Dalam Konteks PALAPES saya dapat menghuraikan dimana Islam amat menitikberatkan aspek ketenteraan di mana ianya

bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Anfal ayat 60 yang bermaksud:

*”Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) Segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasnya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya”.*

*Asap api embun berderai,  
Ayam kuning ekornya lebat,  
Ilmu ketenteraan telah disemai,  
Jadikan peqangan ke akhir hayat.*

6. Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada markas PALAPES UKM di atas penganjuran majlis ini, ucapan terima kasih juga kepada ahli jawatankuasa serta mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini serta ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir pada malam ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Sekian, Terima Kasih.